



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**

Perancangan kewangan untuk graduan

Selepas mendapat ijazah dan mendapat pekerjaan, anda perlu membuat perancangan jangka panjang melewati umur persaraan. Pada masa ini umur bersara wajib sektor awam ialah 60 tahun, manakala dalam sektor swasta mulai 2013 bersara pada usia sama.

Pegawai kerajaan mungkin beruntung kerana selepas bersara akan menerima pencen bulanan, namun bagi kakitangan swasta atau kakitangan kerajaan yang memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) hanya mengharapkan wang terkumpul dari tabung itu.

Kajian mendapati simpanan KWSP habis digunakan oleh kebanyakan pesara dalam tempoh tiga tahun. Membuat pelaburan jangka panjang ialah cara untuk membantu anda hidup lebih selesa pada usia bersara kelak dan tidak membebankan pihak lain.

Sebelum membuat komitmen pelaburan, anda perlu membuat penyelidikan mengenai setiap pelaburan di pasaran. Dapatkan maklumat daripada pakar dalam pelaburan seperti perunding

dan pegawai institusi pelaburan. Antara strategi yang boleh dilakukan ialah:

Membeli rumah kediaman

Memiliki rumah sendiri ialah impian setiap individu yang bekerjaya. Ada yang berminat memiliki rumah teres dua tingkat, kondominium atau apartmen yang berhampiran dengan tempat kerja. Oleh itu, anda boleh merancang sejak awal bekerja untuk memilikinya kerana membeli rumah ialah pelaburan jangka panjang yang memerlukan pembayaran bulanan yang mencecah sehingga 40 tahun.

Ambil peluang untuk memiliki rumah di bawah Program Rumah Pertama yang bernilai sehingga RM400,000 seperti diumumkan oleh Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2012 dan 2013 lepas.

Simpanan dalam unit amanah

Banyak agensi menawarkan skim pelaburan dalam bentuk unit amanah di negara ini. Antaranya, Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang menawarkan pelbagai amanah saham

seperti Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham 1Malaysia.

Anda harus mengambil peluang dengan melabur dalam dana ini kerana ia rendah dari segi risiko, tetapi memberi pulangan yang baik dalam bentuk dividen dan bonus. Buatlah potongan gaji secara bulanan jika anda tidak mempunyai masa untuk bertemu ejen PNB bagi membuat pelaburan.

Membeli insurans

Anda perlu membuat simpanan melalui pembelian insurans yang mempunyai perlindungan penyakit kritikal. Pada usia muda (20-an) lebih menguntungkan kerana sumbangan bulanan lebih rendah berbanding usia 40-an untuk jumlah perlindungan yang sama.

Walaupun kakitangan awam boleh mendapat rawatan di hospital kerajaan secara percuma, jika mengalami sakit kritikal seperti masalah jantung anda perlu menunggu giliran untuk menjalani pembedahan di Institut Jantung Negara. Polisi insurans boleh mempercepat rawatan dan

pembedahan di mana-mana hospital atau pusat perubatan swasta yang kosnya akan ditanggung oleh syarikat insurans.

Simpanan KWSP

Pekerja swasta dan kakitangan awam yang memilih skim KWSP di negara ini diwajibkan mencarum dalam institusi ini sehingga bersara. Majikan juga wajib mencarum untuk kakitangan dalam KWSP setiap bulan.

Mengikut Akta KWSP 1991, kadar caruman semasa yang diwajibkan ialah 11 peratus daripada gaji pekerja, manakala 12 peratus lagi disumbang oleh majikan. Bajet 2012 menetapkan supaya majikan menaikkan caruman kepada 13 peratus. Kakitangan awam yang memilih skim pencen tidak perlu mencarum dalam KWSP, tetapi masih boleh mencarum secara sukarela sebagai alat pelaburan jangka panjang.

Menyimpan dalam Tabung Haji

Menunaikan haji ke Makkah ialah satu kewajipan kepada umat Islam yang berke-

mampuan. Satu daripada instrumen pelaburan yang sangat bermanfaat ialah menyimpan dalam Tabung Haji. Selain simpanan, wang itu boleh dijadikan kos untuk menunaikan fardu haji apabila tiba masa kelak.

Menyimpan dalam Tabung Haji ialah pelaburan dunia dan akhirat. Kos menunaikan haji akan meningkat pada masa depan, oleh itu mulakan langkah anda dengan menyimpan dalam Tabung Haji secara konsisten walaupun sedikit.

Melabur dalam hartanah

Selain memiliki rumah pertama, anda boleh melabur dengan membeli hartanah kedua dan seterusnya, tetapi bergantung kepada kemampuan kewangan anda. Oleh itu, anda perlu mempunyai pengetahuan mendalam dalam urusan jual beli dan pasaran hartanah di negara ini.

Selain itu, perlu mempunyai sejumlah wang sebagai modal untuk bayaran deposit. Anda boleh sewakan hartanah itu dan bayaran sewa bulanan itu boleh dijadikan sebagai bayaran bulanan kepada bank yang membiayai hartanah anda.

Walau apa pun bentuk pelaburan yang dilakukan, anda perlu bijak menyeimbangi antara pelaburan yang boleh dicairkan dengan segera seperti simpanan dalam unit amanah dengan pelaburan yang mengambil masa lama untuk dicairkan seperti hartanah.

Hal ini penting untuk menghadapi situasi keceemasan yang memerlukan sejumlah wang sama ada oleh anda atau keluarga anda. Seperkara lagi, pastikan pelaburan itu boleh membawa keberkatari dan kesejahteraan kepada kehidupan anda dunia dan akhirat.



GAMBAR HIASAN

Siswazah yang bekerja perlu beringat untuk simpanan hari tua.